

# **MALAYSIAN JOURNAL OF SYARIAH AND LAW**

**Vol. 7, No. 2 (December) 2019**

**eISSN: 2590-4396**



**A refereed journal published by the Faculty of Syariah and Law,  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**

---

# **MALAYSIAN JOURNAL OF SYARIAH AND LAW**

---

Malaysian Journal of Syariah and Law (MJSL) **Online ISSN: 2590-4396 and Print ISSN: 1985-7454** is a refereed journal published by the Faculty of Syariah and Law at Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). It is published twice a year, in June and December. The main objective of its publication is to provide an appropriate channel for information and research publication, case studies and book reviews related to Syariah and Law based on original research and ideas by the respective authors.

The journal serves as a platform for sharing ideas and experiences related to the research, development and application of Syariah and Law worldwide.

The editorial board welcomes original contributions (written in Bahasa Melayu, English and Arabic) which have never been published or considered for publication by any other publishers.

**Website:** <http://mjsl.usim.edu.my>

**E-mail:** mjsl.editor@usim.edu.my

eISSN 2590-4396



## **MALAYSIAN JOURNAL OF SYARIAH AND LAW (MJSR)**

### **EDITORIAL BOARD**

#### **Editor in Chief**

Prof. Dr. Abdul Samat Musa (USIM)

#### **Managing Editor**

Dr. Mualimin Mochammad Sahid (USIM)

#### **Editors**

Dr. Muhammad Nizam Awang @ Ali (USIM)

Dr. Yayan Sopyan, S.H., M.Ag (UIN Jakarta)

Dr. Elsaddig Dawelnor Abdelgadir Fadel Seed (University of Khartoum, SUDAN)

Dr. Ahmad Syukran bin Baharuddin (USIM)

Dr. Asman Taeali (Prince Songkla University, THAILAND)

Dr. Abdul Hanan Alissa (Faculty of Islamic Studies, Centre for Distance Learning, Muscat, OMAN)

Dr. Setiyawan Gunardi (USIM)

Dr. Muneer Ali Abdul Rab (USIM)

Dr. Hendun bt Abd Rahman Shah (USIM)

Dr. Adzidah binti Yaakob (USIM)

Dr. Amalina Ahmad Tajuddin (USIM)

Dr. Fitriah Wardi (USIM)

Dr. Fadhlina bt Alias (USIM)

Dr. Amer Abdulwahab Mahyoub Murshed (UM)

### **INTERNATIONAL ADVISORY BOARD**

Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood (IIUM)

Prof. Dr. Dermot Cahill (Bangor University, UNITED KINGDOM)

Prof. Dato' Dr Rahmat Mohamad (UiTM)

Assoc. Prof. Dr. Yusuf Abdul Azeez (University of Modern Sciences Dubai, UEA)

Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin (ISRA)

Prof. Dr. Akbarizan (UINSUSKA, Riau)

Prof. Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang (UM)

Assoc. Prof. Dr. Ahmad Tholabi, M.A. (Uin Jakarta)



---

## CABARAN PEMBANGUNAN MASJID PADA MASA HADAPAN DI SINGAPURA: SUDUT PANDANGAN FIKH

*Future Challenges In Building A Mosque In Singapore: From Islamic Law Perspective*

<sup>i</sup>\*Syed Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al Jafari, <sup>ii</sup> Sharifah Nadirah Nasibah bte Ahmad Al Jafari

<sup>i</sup> Pendakwah bebas Singapura

<sup>ii</sup> PhD candidate Syariah dan Kehakiman USIM

\*(Corresponding author) email: md\_Adib1@hotmail.com.

### Abstrak

Tanah dan ruang adalah satu perkara yang amat penting bagi perkembangan ekonomi, kesejahteraan masyarakat dan kestabilan sesebuah negara. Dengan adanya tanah, pelbagai projek mega dapat dirancang dan dilaksanakan sehingga akhirnya ia akan memberi pulangan lumayan yang dapat menjana ekonomi negara tersebut. Ia juga diperlukan untuk membina dan menaik taraf infrastruktur utama negara bagi mengekalkan daya saingnya di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Keterbatasan tanah di sesebuah negara sangat memberi impak negatif dalam mentadbir hal ehwal negara dan mengembangkan ekonominya. Banyak perancangan gagal dilaksanakan kerana ketiadaan tanah dan ruang. Contohnya Singapura, di mana keluasan tanahnya amat terbatas sehingga pemerintah memperkenalkan dasar penjimatatan tanah untuk memberi laluan kepada projek-projek yang mempunyai nilai pulangan tinggi dengan meruntuhkan bangunan-bangunan lama yang tidak memiliki nilai sejarah. Bahkan, bangunan yang memiliki nilai sejarah juga tidak terlepas daripada proses penjimatatan ini. Dasar ini juga menuntut bangunan yang tidak mempunyai nilai komersial agar dikecilkkan ruangnya atau disatukan dengan bangunan lain seperti rumah ibadat. Terdapat saranan untuk menyatakan rumah-rumah ibadat dalam sebuah bangunan bertingkat. Syariat Islam mengiktiraf kepentingan tanah dalam kehidupan manusia dan telah melakarkan undang-undang tanah dengan teliti dan fleksibel seperti ihyā' mawat, wakaf dan sebagainya. Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah keharusan saranan untuk menggabungkan masjid dengan rumah-rumah ibadat lain dengan mengambil kira maslahat masyarakat Islam dan negara. Penulis menggunakan metode induktif dan deduktif dalam mengumpulkan pandangan para fuqaha dan menganalisisnya. Kajian ini telah menghasilkan beberapa natijah, antaranya adalah harus meletakkan masjid dalam sebuah bangunan bertingkat dengan syarat-syarat tertentu.

**Kata kunci:** Hukum masjid, fikh masa kini, fikh minoriti.

### Abstract

*Land and space are important assets that are required for economic development, the well-being of a society and the stability of a country. The existence of land allows for various mega projects to be planned and implemented, which in turn generate lucrative income that will contribute to the revenue of a country. Further, land and space are needed for the construction and improvement of the country's key infrastructure, in order to maintain its competitiveness at both regional and international levels. Conversely, limited sources of land in a country will have a negative impact on the administration of state affairs and economic expansion. Singapore is one such manifestation; its limited land area has led the government to introduce a land-saving policy, whereby projects with high returns are awarded by tearing down old buildings that either have or do not have any historical value. This policy also*

*requires buildings that have no commercial value to be reduced in space or combined with other venues such as other places of worship. There is also a suggestion to unite different places of worship in a multi-storey building. Islamic law recognizes the importance of land in human life and has prescribed legal principles to effectively regulate the use of land, such as ihsan and waqf. This paper aims to examine the viability of integrating mosques with other places of worship. It employs the inductive and deductive methods in collecting and analysing the views of the fuqaha. The findings of this study, among others, show that it is permissible to place a mosque in a multi-storey building, subject to certain conditions being put in place.*

*Keywords:* Fiqh, interfaith, Islam, mosque, places of worship

## **1- PENDAHULUAN:**

Cabaran merupakan lumrah kehidupan manusia, ia berlaku dalam setiap sudut kehidupan tidak terkecuali kehidupan beragama. Antara cabaran yang dihadapi masyarakat Islam Singapura adalah mencari tanah untuk pembangunan masjid. Tanah di republik ini sangat terhad dan disimpan untuk projek-projek yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara dan ekonomi. Terdapat cadangan untuk menyatukan rumah ibadat dalam sebuah bangunan bertingkat. Cadangan ini meresahkan masyarakat Islam kerana pada umumnya mereka beranggapan bangunan masjid itu perlulah berdiri di atas tanah sendiri yang telah diwakafkan. Kajian ini cuba mencari solusi yang ditawarkan oleh fikih Islami yang ufuknya tidak terbatas pada sesebuah tempat atau terhad pada satu ketika sahaja.

### **1.2 PENGERTIAN MASJID:**

A) Masjid dari segi bahasa:

Dari sudut bahasa Arab, kata masjid berasal daripada *sujud* iaitu meletakkan dahi seseorang di atas tanah. Kata ini digunakan bagi menunjukkan penghormatan seperti kisah sujud malaikat kepada Nabi Adam dan keluarga Nabi Yusuf kepada Nabi Yusuf, dan ia digunakan juga dalam bentuk penyembahan dan peribadatan. Kata ‘masjid’ juga membawa erti tempat sujud. Berkata Az Zajjaj: “Setiap tempat yang digunakan untuk beribadah adalah masjid”. Kata masjid diertikan secara *majaz* (kiasan) bagi anggota-anggota sujud yang tujuh (Zubaidi,1994; Ibn Manzur;1999).

B) Masjid dalam istilah syarak:

Di sisi pandangan syarak pula disebutkan bahawa masjid ialah tanah yang dikhatusukan untuk sembahyang dan telah dikeluarkan daripada hak milik pemilik tanah tersebut untuk dijadikan untuk umat Islam secara umum (Qurthubi,2006). Dr Ibrahim Salih pula mendefinisikan masjid sebagai bangunan yang dikhatusukan untuk sembahyang lima waktu dan lainnya (Khudairi, 2001).

Daripada kedua-dua definisi di atas dapat dilihat bahawa kedua-duanya bersepakat bahawa masjid itu hendaklah dikhatusukan untuk sembahyang dan ia tidak menjadi milik sesiapa kerana telah diwakafkan. Ada pun perselisihan antara kedua-duanya pula adalah pada tempat yang boleh dianggap sebagai masjid. Dr Salih menegaskan tempat yang boleh dianggap sebagai masjid hanyalah apabila ia dapat melindungi jemaah daripada hujan dan panas iaitu dengan dibinanya bangunan. Manakala bagi Imam Al Qurthubi, lapangan tanah itu sudah cukup untuk dijadikan masjid walau tanpa ada binaan asalkan ia dibatasi.

Bagi menghimpunkan kedua-dua definisi ini, penulis mengertikan masjid sebagai sebuah ruangan yang disiapkan secara rasmi sebagai dewan sembahyang mengikut adat setempat. Dengan ini ruangan yang tujuan utamanya bukanlah untuk sembahyang, tidak di kira sebagai masjid, walaupun ia bersambungan dengan masjid seperti menara, pejabat dan sebagainya. (Al Mahiys,1423H).

## 2. PENGENALAN SINGAPURA: (The Economist: 2015, Singapore Department of Statistics: 2011 & Ministry of Communications and Arts: 2018)

Republik Singapura adalah sebuah pulau yang terletak di Asia Tenggara, 140 kilometer dari garis Khatulistiwa. Republik ini dipisahkan oleh Selat Johor dari Semenanjung Malaysia dan dengan Selat Singapura dari Indonesia. Ia juga terletak berhadapan muara Selat Melaka yang terkenal dengan laluan perkapalan tersibuk di dunia. Pulau ini mempunyai hampir 5.8 juta penduduk dan terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Dianggarkan 74% daripadanya berbangsa Cina, 9% Melayu, 3% India dan bakinya daripada bangsa-bangsa lain. Agama Islam adalah agama ketiga terbesar di pulau ini dengan nisbah 15%, sedangkan Kristian membentuk 18%, Toaisme sebanyak 11%, Budhha 33%, Hindu 5%, 1% untuk agama Yahudi, Sikh, Zoroaster, Bah'I dan Jaina, manakala baki 17% tidak menganut sebarang agama.

Republik Singapura mencapai kemerdekaan mutlaknya pada tanggal 9 Ogos 1965 apabila ia berpisah daripada Malaysia. Dengan ketiadaan hasil bumi dan sumber-sumber utama seperti air untuk kelangsungan kehidupan negara baru, keadaan ini dijangkakan boleh menimbulkan kesempitan hidup dan kesengsaraan yang amat sangat. Keadaan bertambah buruk apabila masyarakat Singapura hidup dalam lingkungan bangsa mereka sahaja dan kebanyakan individu tidak memiliki kemahiran dan pelajaran tinggi. Suasana ini memberi keyakinan kepada masyarakat dunia bahawa Singapura tidak bakal memiliki sebarang masa depan.

Menyedari hampir ketiadaan sumber alam untuk bergantung kehidupan kepadanya, pemimpin Singapura memaksimumkan peluang mereka yang satu sahaja iaitu perairan pulau ini yang dalam. Mereka mula membangunkan pelabuhan bertaraf dunia dan menyediakan perkhidmatan perkapalan yang terbaik, telus, jujur dan tangkas. Perkhidmatan seperti ini menarik kebanyakan kapal yang melintasi Selat Melaka untuk singgah di Singapura bagi mendapatkan bekalan dan pemberaan kapal. Jumlah kapal yang menjadikan Singapura sebagai tempat persinggahan semakin bertambah dari tahun ke tahun sehingga menjadikannya pelabuhan yang tersibuk di dunia.

Hasil daripada pelabuhan ini digunakan untuk membangun infrastruktur perniagaan dunia di tengah-tengah bandar Singapura. Undang-undang mula digubal dan diubah bagi memudahkan pelabur-pelabur dan bank-bank asing bertapak di Singapura. Pungutan cukai perniagaan pula digunakan untuk merancang dengan sabaik-baiknya bagi peningkatan pembelajaran, sosial dan ekonomi domestik. Projek-projek mega dalam sektor pembangunan, perumahan dan perindustrian mula dilaksanakan dengan rancaknya.


Setelah setengah abad dari kemerdekaan Singapura, kesan daripada projek-projek ini mula dirasakan apabila kepadatan penduduk negara bertambah dengan kemasukan warga-warga asing. Singapura yang hanya memiliki keluasan tidak sampai 500 kilometer persegi mula menyedari kekurangan tanah untuk meneruskan rancangan ekonomi dan pembangunan mereka. Usulan-usulan bagi penjimatan tanah mula dibentangkan di Parlimen dan menjadi tajuk perbincangan yang hebat. Antara usulan yang dikemukakan adalah untuk mengecilkan bangunan yang tidak mempunyai nilai komersial bagi negara atau merobohkannya sama sekali. Antara bangunan yang masuk dalam kategori ini adalah rumah ibadat.

Mantan Menteri Pembangunan Negara, Encik Khaw Boon Wan, telah mengumumkan beberapa pendekatan yang dirancang diambil oleh pemerintah terhadap rumah-rumah ibadat. Antaranya adalah menggabungkan rumah-rumah ibadat yang tidak memiliki pengikut yang banyak dalam sebuah tempat (Heng: 2014. Khaw: 2014). Cadangan ini telahpun dicuba ke atas masjid Kampung Holland ketika ia dirobohkan lalu disatukan ke dalam Masjid Mujahidin yang berada tidak jauh dari tempat asalnya. Cadangan ini juga menyebutkan gabungan rumah ibadat bersama dengan bangunan lain seperti yang terjadi ke atas Masjid Maulana apabila ia ditempatkan semula pada ruangan bawah tanah di menara UOB, begitu juga Masjid Al-Falah yang diserapkan di lantai pertama pangsapuri mewah di pusat bandar Singapura. Pemerintah juga sedang mempertimbang cadangan untuk menggabungkan rumah-rumah ibadat dalam sebuah pangsapuri.

Kertas kerja ini akan membincangkan sudut pandangan fikh terhadap usulan menggabungkan masjid bersama rumah ibadat lain di sebuah pangsapuri.

## 2- SYARAT PEMBINAAN MASJID:

Daripada definisi masjid yang disebutkan di atas, para ulama bersetuju bahawa masjid itu hendaklah sebuah bangunan yang dikhusruskan untuk mendirikan sembahyang dan ia telah dikeluarkan daripada pemilikan seseorang dengan menjadikannya mutlak milik Allah Taala. Atau dalam kata lain, ia hendaklah diwakafkan. Mereka berpegang dengan firman Allah Taala:



Maksudnya: “Dan sesungguhnya masjid itu hanyalah untuk Allah” (Al Jin 72:18).

Disebabkan pensyaratannya ini para ulama telah berselisih pendapat mengenai menggabungkan masjid bersama bangunan lain.

## 3. MENJADIKAN MASJID SEBAHAGIAN DARIPADA BANGUNAN LAIN:

Masjid yang digabungkan bersama bangunan lain dapat dilihat daripada dua sudut pandangan:

**Sudut pandangan pertama:** Masjid itu adalah bagi kegunaan peribadi.

**Sudut pandangan kedua:** Masjid itu adalah bagi kegunaan umum.

### 3.1: MASJID BAGI KEGUNAAN PERIBADI:

Dimaksudkan daripada masjid sebagai kegunaan peribadi adalah apabila sebuah ruangan dalam rumah seseorang dikhusruskan sebagai tempat sembahyang dan beribadat ia dikenali dengan istilah (المساجد) iaitu “Masjid rumah” (Ibnu Abidin: 2003). Mengkhusruskan sebahagian daripada ruangan rumah sebagai tempat beribadat adalah amat digalakkan. Ia telah menjadi sebuah sunnah yang kian pupus dan dilupakan. Ruangan yang dikhusruskan ini boleh jadi sebuah bilik atau bahagian yang tertentu dari sesebuah rumah.

Saidina Abu Hurairah meriwayatkan bahawa: Seorang lelaki Ansar meminta Nabi s.a.w mendatangi rumahnya. Setibanya Baginda di rumah lelaki tersebut beliau meminta Nabi menentukan sebahagian ruangan rumahnya sebagai masjid, maka Baginda menunaikan permintaannya. Permintaan ini disebabkan mata lelaki terebut telahpun buta (Hadis. Ibnu Majah. Kitab: Al Masajid wal Jama’ah. #755). Saidatina Aisyah pula mengatakan bahawa Nabi s.a.w menyuruh menjadikan sebahagian ruangan rumah sebagai masjid dan menyuruh agar mengharumkan dan membersihkan ruangan itu (Hadis. Ibnu Majah. Kitab: Al Masajid wal Jama’ah. #759).

Imam Al Bukhari meletakkan tajuk dalam kitab *sahihnya*: “Bab: pada menyatakan masjid dalam rumah”. Di bawah tajuk ini beliau meriwayatkan kisah Saidina Abu Bakar menjadikan halaman rumahnya sebagai masjid, tempat untuknya bersembahyang dan membaca Al-Quran (Al Bukhari. Kitab: Manaqib Al Ansar. #3905). Beliau juga menyebutkan Saidina Barra’ bin A’zib bersembahyang secara berjemaah dalam masjid di rumahnya (Al Bukhari. Kitab: Solat).

Namun, para ulama tidak mengiktiraf ruangan ini sebagai masjid yang sah untuk digunakan sebagai tempat beriktkraf walau untuk kaum wanita (Al Amir: 2011. Al Nawawi: 2011, Ibnu Qudamah: 2004). Mereka juga mengharuskan wanita yang didatangi haid dan yang menanggung hadas besar agar duduk dalam ruangan ini (Ibnu Hajar: 1986). Alasan yang diberikan adalah kerana sesebuah ruangan itu tidak sah dianggap sebagai masjid kecuali diwakafkan untuk kegunaan masyarakat Islam secara umum. Terdapat satu pendapat dalam mazhab Imam Abu Hanifah yang mengharuskan para wanita menjalankan ibadat iktikaf di masjid dalam rumahnya (ibnu Nujaim: 2002).

### **3.2: MASJID YANG TERGABUNG BERSAMA BANGUNAN LAIN UNTUK KEGUNAAN UMUM:**

Para fuqaha menyingkapi permasalahan ini dengan membahagikannya kepada dua keadaan:

**Kedaan pertama:** Menggabungkan bangunan baru kepada masjid.

**Kedaan kedua:** Menggabungkan masjid kepada bangunan.

#### **3.2.1: MENGGABUNGKAN BANGUNAN BARU KEPADA MASJID:**

Gambaran situasi ini adalah, sebuah masjid telah terbina terlebih dahulu, kemudian dibina di atas masjid ini bangunan baru bukan sebagai pelengkap masjid tetapi dengan tujuan yang lain seperti pusat komersial, kediaman, pejabat dan sebagainya. Para fuqaha memisahkan antara bangunan baru tersebut dibina di atas masjid atau di bawahnya.

Jika dibina bangunan baru di atas sebuah masjid yang telah sedia ada maka para ulama bersepakat ia tidak dibenarkan (Ibnu Abidin: 2003. Al Haitami: Tt). Ini kerana kaedah fikih menyebutkan ruang udara mengikut hukum bangunan yang berada di bawahnya (Ibnu Abidin: 2003). Oleh yang demikian ruang udara yang berada di atas masjid dikira sebagai masjid juga.

Tetapi jika digali tanah yang berada di bawah masjid kemudian dijadikan pejabat atau kedai, para ulama Malikiyah dan Hanabilah mengharuskannya dan tidak menganggapnya sebagai satu kesalahan (Malik: 1994. Al Bahuti: 2000). Namun, mazhab yang lain dan sebahagian Hanabilah tetap melarang perbuatan ini . (Al Bahuti: 2000).

#### **3.2.2: MENGGABUNGKAN MASJID KEPADA BANGUNAN:**

Situasi masalah ini adalah apabila sebuah bangunan telah disiapkan dengan tujuan kediaman atau pejabat atau lain-lain, kemudian dijadikan sebahagian ruangan daripada bangunan ini sebagai masjid. Para ulama memandang masalah ini dengan melihat pada bahagian manakah masjid itu diletakkan, apakah pada bahagian bawah bangunan atau atasnya iaitu lantai terakhir.

##### **A) Masjid dijadikan di bahagian bawah bangunan:**

Jika masjid itu dijadikan di bahagian bawah bangunan, para fuqaha telah berselisih kepada dua pendapat:

**Pendapat pertama:** Harus menjadikan bahagian bawah bangunan sebagai masjid dan digunakan bahagian atas sebagai tempat tinggal dan seumpamanya. Ini adalah pendapat mazhab Abu Hanifah (Al Haddad: Tt. Ibnu Al Hummam: Tt) dan Hanbali (Al Bahuti: 2000).

Mereka berhujah bahawa setiap lantai bangunan itu mempunyai hukum tersendiri dan tidak saling berkaitan. Dengan ini harus menjual lantai bawah sahaja tanpa lantai-lantai di atasnya. Jika harus menjual lantai tersebut maka harus juga mewakafkannya sebagai masjid kerana kedua-dua perbuatan itu menggugurkan hak pemilikan. Pendapat ini mensyaratkan agar dibina sebuah jalan yang khusus untuk ke masjid dan diberikan tanda untuk membezakannya daripada yang lain (Al Mighghani: 2000. Ibnu Qudamah: 2004).

**Pendapat kedua:** Tidak diperbolehkan menjadikan bahagian bawah bangunan sebagai masjid. Jika dijadikan juga maka seluruh bangunan itu akan menjadi masjid dan tidak boleh digunakan untuk apa-apa tujuan lain. Ini adalah pegangan mazhab Imam Malik (Al Hathab: 2010), As Syafi (Al Dhimiyati: Tt), Az Zahiri (Ibnu Hazm: tt) dan sebahagian Hanbali (Al Bahuti: 2000).

Alasan mereka adalah masjid itu hendaklah keseluruhan milik Allah Taala seperti yang disebutkan dalam surah Al Jinn ayat ke 18. Dengan menjadikannya di bawah bangunan, pemilikan atau wakaf ini tidak sah kerana ketiadaan kesempurnaan pemilikan atau disebut dengan (مطلق التصرف) iaitu pengurusan secara mutlak tanpa perlu izin daripada pihak lain. Dalam hal ini mereka yang berada di

atas masjid itu mempunyai hak menghalang sesiapa yang berada di bawah daripada menebuk lubang di silingnya dan seumpama itu. Tambahan pula menjadikan masjid di bahagian bawah bangunan bertentangan dengan suruhan memuliakan dan membesar kan masjid (Al Haddad: Tt. Al Hathab: 2010. Ibnu Hazm: Tt).

### **B) Menjadikan masjid di atas bangunan:**

Para ulama juga berselisih mengenai mewakafkan bahagian atas bangunan pejabat sebagai contoh untuk dijadikan masjid.

**Pendapat pertama:** Harus mewakafkan lantai teratas atau bumbung sesebuah bangunan sebagai masjid. Ini adalah pendapat Imam Abu Yusuf (Al Kalibuli: 1998), mazhab Al Malikiyah (Ad Dasuqi: Tt), As Syafiyah (Al Dhimiyyati: Tt) dan Hanabilah (Ibnu Qudamah: 2004).

Hujah yang mereka berikan adalah makna dalam memuliakan dan membesar kan masjid itu telah dapat dicapai dengan menjadikannya pada tingkat atas sesebuah bangunan. Sementara bahagian bawah bangunan itu pula tidak mengikut hukum bahagian atasnya sehingga boleh dianggap sebagai masjid. Penentuan ini mengikut sebuah kaedah hukum fikh yang mana bahagian atas bangunan akan mengikut hukum bahagian bawahnya, tetapi tidak sebaliknya. Ini disebabkan bahagian bawah adalah asal dan bahagian atas adalah perpanjangan dari yang bawah (*furu'*), maka *furu'* akan mengikuti asal dan nasal tidak akan mengikuti *furu'*. Di samping itu, bahagian atas bangunan pada kebiasaannya ada kelebihan berbanding bahagian bawahnya (Al Qarafi: 2003).

**Pendapat kedua:** Tidak dibenarkan mewakafkan bahagian atas bangunan sebagai masjid. Ini adalah pendapat mazhab Hanafi (Ibnu Abidin: 2003) dan ibnu Hazm (Tt).

Sandaran mereka adalah bahawa masjid itu sepatutnya adalah untuk Allah Taala secara keseluruhannya. Walaupun menjadikan bahagian atas masjid itu tidak akan menjelaskan status bahagian bawahnya dan matlamat daripada membesar kan masjid itu telah tercapai, namun, tetap pemilikan masjid itu mengikut pemilik tanah atau bahagian bawah bangunan tersebut. Jika dia hendak menjual tanahnya maka akan terjual bersamanya masjid yang berada di bahagian atas bangunan. Justeru, tidak sah menjadikan lantai atas bangunan sebagai masjid kerana ia tidak menjadi milik Allah Taala secara mutlak (Ibnu Al Hummam: Tt. Ibnu Hazm: Tt).

### **PENDAPAT PILIHAN:**

Penulis memilih pendapat yang tidak membenarkan masjid itu digabungkan bersama bangunan lain sama ada gabungan itu pada bawah atau atas bangunan tersebut. Ini disebabkan oleh pensyaratan sesebuah bangunan itu sebagai masjid hendaklah ia dikeluarkan daripada milik manusia dan dijadikan milik Allah melalui wakaf secara mutlak dan keseluruhannya. Menjadikan masjid di bawah atau di atas bangunan adalah bercanggahan dengan pensyaratan ini kerana kebebasan pengurusan ruang dan pemilikannya akan bergantung kepada keizinan pihak lain yang memiliki bangunan tersebut.

Selain itu, jemaah yang mengunjungi masjid yang berada dalam sesebuah bangunan akan terganggu dengan manusia atau aktiviti lain yang berlaku dalam bangunan itu atau di sekitarannya. Tambahan pula apabila terdapat aktiviti-aktiviti terlarang yang berlaku di atas atau di bawah masjid seperti tempat-tempat hiburan, penjualan arak dan sebagainya, maka ia amat bertentangan dengan status masjid dan kehormatannya.

Tetapi, jika tidak terdapat tanah yang boleh didirikan sebuah masjid kerana kepadatan penduduk atau tidak mendapat keizinan daripada pihak pemerintah, maka bolehlah digabungkan masjid ke dalam bangunan dan dipilih lantai yang paling sesuai untuk kemaslahatan jemaah masjid jika ia memungkinkan. Kerana tujuan pembinaan masjid iaitu menjaga agama dengan menzahirkan syiar dan mengadakan bimbingan agama adalah lebih patut didahulukan daripada menanti sebidang tanah untuk didirikan masjid. Ketiadaan masjid di sesebuah kawasan juga akan membawa kesukaran kepada aktiviti keagamaan di kawasan tersebut dan ia juga akan membawa kesempitan bagi masyarakat Islam yang hendak menunaikan ibadah seperti iktikaf dan lain-lain lagi.

Diriwayatkan bahwa Abu Yusuf merupakan salah seorang ulama mazhab Hanafi yang berpendapat tidak harus menggabungkan masjid dengan bangunan lain apabila melihat kepadatan kota Baghdad dan kesukaran mendapatkan tanah untuk pembinaan masjid, lalu mengizinkan penggabungan ini. Begitu juga Muhammad bin Hasan, seorang lagi ulama Hanafi, mengizinkan perkara yang sama ketika beliau melihat kepadatan kota Rai.

Keharusan ini adalah atas dasar darurat dan keharusan kerana kemudaratannya hendaklah dipersempit dan tidak dijadikan hukum asal yang digunakan pada kawasan yang boleh didapatkan tanah yang khusus untuk pembinaan masjid. Pihak yang bertanggungjawap terhadap masjid juga hendaklah berbincang dengan pengurusan bangunan yang mereka berada di dalamnya, bagaimanakah cara yang terbaik untuk mengekalkan kehormatan masjid. Seperti tidak membolehkan kedai penjualan arak berada berdekatan dengan masjid atau membuat jalan yang khusus untuk masyarakat Islam yang hendak ke masjid dan sebagainya.

Majlis Fatwa Jordan telah mengeluarkan fatwa bertarikh 13/7/2005, begitu juga Majlis Fatwa Saudi pada fatwa yang terdaftar pada nombor 5173 dan Majlis Fatwa Mesir, Dar Ifta', pada fatwa mereka bertarikh 18/5/2014 telah membenarkan menggabungkan masjid kepada bangunan atas dasar darurat dan mengelakkan kesusahan bagi masyarakat Islam setempat. Mereka juga menyatakan status bangunan tidak berubah menjadi masjid dengan keberadaan masjid kerana pemilikan yang berlaku ke atas bangunan terjadi lebih dahulu daripada wakaf masjid tersebut.

#### **4. MENGGABUNGKAN MASJID BERSAMA RUMAH IBADAT YANG LAIN:**

Dengan kepadatan kota dan kekurangan tanah, saranan menggabungkan rumah-rumah ibadat di bawah satu bumbung telah usulkan. Saranan ini boleh digambarkan dengan dua keadaan:

**Keadaan pertama:** Penganut agama yang berbeza menggunakan satu ruangan secara bergilir-gilir.

**Keadaan kedua:** Dibina sebuah bangunan bertingkat dan setiap agama beroperasi di tingkat tertentu.

##### **4.1. Pandangan fikh terhadap status masjid untuk ruang yang dikongsi bersama rumah ibadat yang lain:**

Keadaan ini dapat digambarkan dengan sebuah ruang yang digunakan secara berjadual antara agama. Contohnya, umat Islam menggunakan ruangan tersebut untuk sembahyang Jumaat, kemudian pada hari Ahad penganut agama Kristian menggunakan pula sebagai gereja. Atau umat Islam menggunakan untuk sembahyang lima waktu dan setelah mereka selesai, penganut agama lain pula melaksanakan upacara keagamaan mereka di ruangan yang sama. Apakah ruangan ini boleh mengambil status masjid di sisi pandangan fikh?

Jika disemak dalam kitab hadis dan sejarah, terdapat dua hadis yang boleh dikaitkan dengan permasalahan ini.

**Hadis pertama:** Diriwayatkan daripada ibnu Abbas:

"لا تصلح قبلتان في الأرض"

Maksudnya: "Tidak boleh dua kiblat dalam sesebuah tempat." (Hadis. Ahmad: #1995. Hadis Sahih).

Imam Taus memberi komentarnya pada hadis ini dengan mengatakan: Bahawa rumah yang mempunyai rahmat tidak akan boleh bersama dengan rumah azab, iaitu tidak boleh dihimpunkan masjid dan gereja pada sebuah tempat (Ibnu Rajab: 1996). Oleh yang demikian, Nabi s.a.w menyuruh agar merobohkan rumah ibadat agama lain sebelum mendirikan di atasnya masjid (Hadis. An Nasai. Kitab: Masjid. #700. Hadis Sahih).

Hadis ini secara jelas melarang pembinaan masjid di ruangan atau tanah yang sama digunakan oleh penganut agama lain bagi tujuan ibadah mereka. Selain itu, menggabungkan rumah-rumah ibadat di satu ruangan dengan cara penggunaan yang berjadual memungkinkan menimbulkan pertengkaran

antara mereka atau kekeliruan di antara penganut-penganut agama seperti saling menuduh mengotorkan tempat atau ruangan tersebut.

**Hadis kedua:** Diriwayatkan dalam kitab sejarah ketika utusan Najran yang beragama Nasrani datang bertemu Nabi s.a.w, lalu tiba waktu sembahyang mereka setelah Asar dan mereka melaksanakan upacara keagamaan mereka dalam Masjid Nabawi. Para sahabat yang melihat keadaan ini bangkit untuk menghalang utusan tersebut daripada melakukan upacara keagamaan mereka, tetapi Nabi s.a.w menghalang hasrat para sahabatnya dan menyuruh membiarkan utusan Najran tersebut (Ibnu Saad: 1997. Ibnu Kathir: 2001).

Kisah ini menunjukkan keharusan membiarkan upacara keagamaan agama lain diadakan di dalam masjid. Para ulama hadis telah mengkritik periyawatan ini dengan beberapa kritikan:

1. Kisah ini adalah sebuah kisah yang dhaif. Imam Az Zahabi menilainya sebagai palsu.
2. Kisah ini bercanggahan dengan hadis yang lebih sahih iaitu larangan menjadikan sebuah tempat sebagai masjid dan gereja atau sebagainya.
3. Walaupun jika dikatakan kisah ini sahih, ditakwilkan dengan keinginan Nabi s.a.w menunjukkan kelembutan terhadap utusan tersebut agar mereka tidak kecewa dengan larangan untuk melaksanakan upacara keagamaan mereka di dalam masjid lalu berpaling daripada mendengar dakwah Islam.
4. Terdapat perbezaan antara kisah ini dan berkongsi ruangan. Kisah ini menunjukkan tanah itu adalah masjid dan utusan Najran itu diberikan keizinan untuk beribadah di dalamnya, manakala perkongsian tidak memberikan hak tanah itu kepada orang Islam. Kemudian kisah utusan Najran ini hanya berlaku sekali sedangkan perkongsian ruangan akan menjadikan pelaksanaan ibadah daripada agama yang berbeza sering berlaku.

Dapat disimpulkan di sini bahawa keizinan Nabi s.a.w terhadap utusan Najran itu, jika periyawatannya sahih, hanyalah satu hukum pengecualian dan bukannya hukum asas, maka ia tidak boleh dijadikan tempat untuk pengeluaran hukum atau sandaran kepada qiyas.

#### **4.2. Pandangan fikh terhadap menggabungkan masjid bersama rumah ibadat lain dalam satu bangunan bertingkat:**

Gambaran keadaan ini adalah seperti pemerintah membina bangunan lima tingkat lalu menempatkan masjid di tingkat pertama, kuil Hindu di tingkat kedua, gereja mendiami tingkat ketiga, kuil Buddha di tingkat keempat dan rumah Ibadat Yahudi di tingkat kelima.

Bagi penulis hukum terhadap permasalahan ini sama sahaja dengan menjadikan masjid dalam sebuah bangunan. Hanya yang perlu diberi perhatian bagaimana menjaga keharmonian di antara agama agar mereka tidak saling menyakiti sehingga timbul perasaan dengki dan seumpamanya. Syarat dan batasan perkongsian ruang sekitaran juga perlu ditentukan seperti penggunaan tempat letak kereta, laluan umum dan sebagainya terutama apabila berlakunya dua upacara keagamaan atau lebih pada satu-satu masa.

#### **4.3. Penilaian maslahat dalam pembinaan masjid di atas tapak sendiri:**

Pembinaan masjid adalah sebuah perkara yang dititik beratkan dalam agama Islam. Nabi SAW menunjukkan kepentingan pembinaan masjid dengan menjadikannya bangunan pertama yang dibina di Madinah sesampainya Baginda di sana dalam peristiwa hijrah (Al Mubarakafuri: 2007), sehingga mendahulukannya walau keatas rumah Baginda sendiri. Kesegeraan dan kepentingan pembinaannya mengatasi keutamaan membina rumah Nabi SAW sendiri. Kisah ini menunjukkan bahawa pembinaan masjid adalah dari perkara *Al Dharuriyyat* dalam menjaga agama. Oleh kerana itu syarak menjadikan pengimaran masjid sebagai tanda keimanan seseorang. Firman Allah Taala di dalam surah At Taubah ayat- 18:

﴿إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَيَوْمَ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكُوَةَ وَمَنْ يَحْشَى إِلَّا اللَّهُ، فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ﴾

Maksudnya: “Hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta tetap mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan tidak takut selain kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk”.

Begitu pula syarak menganggap mereka yang cuba menghalang masjid dari memainkan peranannya dalam menyebarkan risalah Islam sebagai seorang yang paling zalim. Firman Allah Taala di dalam surah Al Baqarah, ayat-114:

﴿وَمَنْ أَظْلَمَ مِنْ مَنْ نَعَ مَسَاجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَى فِي حَرَابِهَا، أُولَئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْحُلُوهَا إِلَّا خَآفِينَ، لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خَزْيٌ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ﴾

Maksudnya: “Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang menghalangi menyebut nama Allah dalam masjid-masjid-Nya dan berusaha untuk merobohkannya? Mereka itu tidak sepatutnya masuk ke dalmania kecuali dengan rasa takut (kepada Allah), mereka di dunia mendapat kehinaan dan di akhirat mendapat siksaan yang berat”.

Di masjidlah masyarakat Islam berkumpul menyembah dan beribadah kepada Allah Taala secara bersama, ia menjadi tempat rujukan mereka ketika menghadapi persoalan atau masalah, dan berbagai aktiviti lagi dikendalikan di dalamnya yang bersangkutan dengan agama dan masyarakat. Dengan peranan masjid yang luas dan statusnya sebagai rumah Allah Taala, tidak hairanlah Baginda mengambil pendekatan yang bersegara di dalam membinanya dan syarak meletakkan kepentingannya di tahap paling utama.

Walaupun pembinaan masjid dianggap sebagai perkara *Al Dharuriyyat* dalam menjaga agama, ia tidak bermakna pemilikan tanah dan bangunan secara bersendirian juga demikian. Pengkategorian maslahat bangunan bersendirian perlu dilihat kepada beberapa faktor luaran yang lain. Faktor kesediaan kerajaan memperuntukkan tanah untuk dijual bagi tujuan pembangunan masjid, lokasi tapak yang diperuntukkan dan harga tanah tersebut memainkan peranan yang utama dalam menentukan kategori maslahat bangunan masjid secara persendirian.

Jikamana tapak lokasi yang diperuntukkan bagi pembinaan masjid itu berada di pinggir kawasan perumahan atau di hujung bandar yang menyebabkan kesukaran bagi para jemaah mendatanginya, maka ketika itu mencari ruang di dalam bangunan yang berada di tengah bandar adalah lebih utama. Begitu juga, adalah lebih baik menggabungkan masjid bersama bangunan lain jikamana diperlukan waktu yang cukup lama untuk menantikan peruntukan tanah dari kerajaan atau dalam pengumpulan dana bagi membeli tanah.

Dalam situasi seperti di atas masyarakat Islam akan ketiadaan masjid yang mana ia sebuah *Al Dharuriyyat* dalam menjaga agama bagi tempoh masa yang agak lama. Ketiadaan masjid di sebuah tempat dapat menghambat perkembangan agama, membataskan aktiviti dakwah dan mengabaikan keperluan masyarakat Islam setempat.

Oleh yang demikian penulis menyakini bahawa keberadaan masjid dalam sebuah kawasan adalah kemestian dan *Al Dharuriyyat* dalam menjaga agama. Namun untuk berdiri di atas tapak sendiri dan tidak bergabung dengan bangunan lain adalah sebuah *Hajiyah* yang menyempurnakan *Al Dharuriyyat*. Terlebih lagi masjid pada hari ini tidak memainkan beberapa peranan yang dahulu dimainkan olehnya seperti tempat perbincangna masalah negara dan masyarakat, peranan ini telah diambil alih oleh

parlimen sesebuah negara. Demikian juga sebagai tempat kebudayaan, perbincangan ketenteraan, pusat ekonomi, bantuan sosial dan seumpamanya.

## 5. KESIMPULAN:

Masjid itu hendaklah sebuah bangunan yang dikhususkan untuk sembahyang dan dikeluarkan pemilikannya daripada seseorang secara mutlak dengan mewakafkannya. Namun, jika terdapat sebarang kesulitan dalam mengadakan tanah untuk masjid atas sebab kepadatan penduduk, kekurangan tanah atau tiada keizinan pemerintah, maka bolehlah masjid itu disatukan dengan bangunan bertingkat lain sama ada pejabat, pusat beli-belah, kediaman ataupun dengan rumah ibadat lain dengan dikhususkan masjid di sebuah tingkat atau ruangan tertentu darinya. Perlu diadakan batasan dan syarat pengendalian masjid yang bercampur dengan tempat lain dalam sebuah bangunan agar kemuliaan masjid tetap terjaga dan keselesaan jemaah yang berada di dalamnya terjamin serta tidak menimbulkan sebarang konflik antara mereka yang mendiami bangunan tersebut. Perkongsian ruang antara masjid dan rumah ibadat yang lain dengan masing-masing mempunyai jadual penggunaan dalam ruangan tersebut adalah tidak dibenarkan sama sekali kerana terdapat larangan daripada hadis Nabi s.a.w dan perkara ini berkemungkinan membawa kepada pergeseran antara agama.

## 6. CADANGAN:

Penulis mencadangkan agar masjid memperluas lagi perkhidmatannya kepada masyarakat di sekelilingnya dan bukan sahaja terhad kepada golongan Muslim dengan membina bangunan khidmat masyarakat di sekelilingnya. Contoh, masjid pada zaman Nabi s.a.w digunakan sebagai pusat kemasyarakatan, perubatan dan pembangunan social, bahkan untuk ketenteraan. Jika masjid dapat meningkatkan mutu perkhidmatannya kepada masyarakat sekeliling, pemerintah akan mempertimbang untuk mengadakan peruntukan tanah yang khusus untuk masjid dalam sesebuah bandar atau kawasan kerana ia bukan sahaja menjadi tempat beribadat, bahkan tempat gerakan kemasyarakatan.

Pemerintah juga perlu menyedari peranan masjid dan rumah ibadat agama lain sebagai tempat pembangunan nilai-nilai kemanusian dan moral penganutnya. Pembangunan moral tidak kurang penting daripada pembangunan prasarana ekonomi dan negara. Kemajuan pembangunan akan dicacatkan dengan nilai moral yang rendah yang ditunjukkan oleh penduduk negeri itu. Pengurusan masjid juga akan dapat mengadakan program dengan lebih berkesan dan cekap apabila mereka mempunyai bangunan sendiri yang memberi mereka kebebasan pergerakan dan keselesaan.

## RUJUKAN:

Al Quran Al Karim

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 1995. *Al Musnad*. Al Kaherah: Dar Al Hadis.

Al Amir, Muhammad bin Muhammad. 2011. *Al Iklil Syarah Mukhtasar Al Khalil*. Kaherah: Dar Al Fadhilah

Al Bahuti, Mansur bin Yunus. 2000. *Kisyaf Al Qina' an Matni Al Iqna*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.

Al Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih Al Bukhari*. Kaherah: Dar Al Rayyan lil Turath.

Al Dasuqi, Muhammad I'rfah. Tt. *Hasyiyah Al Dasuqi ala Syarhi Al Kabir*. Keherah: Isa Al Babi Al Halabi.

Al Dhimyati, Abu Bakar bin Muhammad. Tt. *Ia'nah Al Thalibin ala Hil Alfaz Fath Al Mui'n*. Beirut: Dar Ihya Al Turath Al A'rabi.

Al Haddad, Abu Bakar bin Ali. Tt. *Al Jauhara Al Naiyirah ala Mukhtasar Al Qaduri*. Pakistan: Maktabah Haqaniyah.

- Al Haitami, Ahmad bn Hajar. Tt. *Tuhfah Al Muhtaj bi Syarhi Al Minhaj*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al Hathab Al Rai'ni, Muhammad bin Muhammad. 1995. *Mawahib Al Jalil li Syarhi Mukhtasar Sidi Khalil*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Al Kalibuli, Abdur Rahman bin Muhammad. 1998. *Majma' Al Anhar fi Syarhi Multaqa Al Abhar*. Al Kaherah: Dar Al Salam.
- Al Khudairi, Ibrahim bin Salih. 2001. *Ahkam Al Masjid fi Al Syariah Al Islamiyah*. Riyadh: Dar Al Fadhilah lil Nayshr.
- Al Mahyish, Muaz bin Abdullah. 1433H. *Al Muamalat Al Maliyah fi Al Masjid wa Suwaruha Al Mua'sirah*. Saudi: Jamiah Al Qashim.
- Al Mighhani, Ali bin Abi Bakar. 2000. *Al Hidayah Syarah Bidayah Al Mubtadi*. Kaherah: Dar Al Salam.
- Al Mubarakfuri, Shafiyur Rahman. 2007. *Al Rahiq Al Makhtum*. Qatar: Wizarah Al Awqaf wa Al Syuun Al Islamiyyah.
- Al Nawawi, Yahya bin Syaraf. 2011. *Minhaj Al Thalibin*. Jeddah: Dar Al Minhaj.
- Al Qarafi, Ahmad bin Idris. 2004. *Al Furuq*. Beirut: Muassasah Al Risalah.
- Al Qurthubi, Muhammad bin Ansar. 2006. *Al Jami' li Ahkam Al Quran*. Al Mansurah: Al Maktabah Al Iman.
- Al Zubaidi, Muhammad Al Murthadha. 1994. *Taj Al A'russ min Jawahir Al Qamus*. Kuwait: Matba'h Hukumah Al Kuwait.
- An Nasai', Ahmad bin Syuaib Al Kharasani. 2010. *Sunan An Nasai'*. Al Kaherah: Dar Al Hadis.
- Heng, Jenice. 2014. "MND seeks view on idea of housing several places of worship under one roof". *Straitstimes*. 11 Dec.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin. 2003. *Ras Al Mukhtar ala Dur Al Mukhtar Syarah Tanwir Al Absar*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Ibnu Hajar, Ahmad bin Ali Al A'sqalani. 1987. *Fathu Al Bari Syarah Sahih Al Bukhari*. Kaherah: Dar Al Rayyan lil Turath.
- Ibnu Hazm, Ali bin Ahmad. Tt. *Al Muhalla*. Mesir: Matba'h Al Nahdah.
- Ibnu Hummam, Muhammad bin Abdul Wahid. 1977. *Syarah Fathu Al Kadir*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Ibnu Kathir, Ismail bin Kathir. Tt. *Al Bidayah wa Al Nihayah*. Al Kaherah: Dar Al Manar.
- Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid Al Qazwini. Tt. *Sunan Ibnu Majah*. Kaherah: Maktabah Al Babi Al Halabi.
- Ibnu Manzur. 1999. *Lisan Al A'rabi*. Beirut: Dar Ihya Al Turath Al A'rabi.
- Ibnu Nujaim, Umr bin Ibrahim. 2002. *Al Nahar Al Faiq Syarah Kanzu Al Daqaiq*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. 2004. *Al Mughni*. Kaherah: Dar Al Hadis.
- Ibnu Rajab, Zainuddin. 1996. *Fathul Bari Syarah Sahih Al Bukhari*. Al Kaherah: Dar Al Haramain.

Ibnu Saad, Muhammad bin Saad. 1997. *Al Thabaqatu Al Kubra*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.

Khaw Boon Guan. 2014. *Housing Places of Worship*. Mndsgapore.wordpress.com. 11 Dec.

Malik bin Anas. 1994. *Al Mudawwanah Al Kubra*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.

Ministry of Communications and Arts. 2018. *Singapore at a glance*. [www.sg.com](http://www.sg.com). 2 Aug

Singapore departments of statistic. 2011. *census of population 2010, statistical release, Demographic Characteristics, education, language and religion*.N.pb.

The Economist. 2015. *Singapore's Economic Success*. Youtube.com. 26 Mar.